



03 JAN, 2025

THT tekad bangkit rampas semula trofi

Berita Harian, Malaysia



Pemain THT idam buru tiga kejuaraan pada musim ini.

(Foto Malik Muhamad/BH)

THT tekad bangkit rampas semula trofi

Kuala Terengganu: Sesudah terlepas tiga trofi pada saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) musim lalu, Pasukan Hoki Terengganu (THT) tekad menebusnya musim ini.

Ketua jurulatihnya, Mohd Harfizi Baharom berkata, kekecewaan pada edisi lalu membakar semangat pemainnya untuk kembali bangkit memburu kejuaraan pada musim ini.

Bagaimanapun jelasnya, kehadiran pasukan dari luar negara selain pasukan tempatan bakal memberikan kesukaran kepada skuadnya untuk memburu trofi Piala Sumbangsih, Piala Liga MHL dan Piala TNB.

"Pada musim lalu skuad bimbingan saya terlepas semua kejuaraan, ianya begitu mengecewakan kami biarpun kejayaan berada dalam radar, Insya-Allah pada mu-

sim kita akan cuba rampas semula tiga piala ke bumi Terengganu.

"Pada masa sama pemain berazam untuk bangkit daripada kekecewaan dan akan sedaya upaya bersaing untuk merangkul tiga kejuaraan itu.

"Kehadiran ramai pemain berpengalaman yang pernah beraksi di pentas antarabangsa dan ditambah pemain muda berkualiti bakal memperkasakan lagi pasukan pada kali ini.

"Begitu juga dengan kehadiran dua pemain import iaitu Lee Nam Young dari Korea Selatan dan penyerang Afrika Selatan, Samkelo Mvimbwi selain pemain tempatan, Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil, Mohammad Sukri Mutualib serta pemain adik beradik, Faizal dan Fitri Saari," katanya.